

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, June 23, 2019 5:14 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar Bangunkan 'Smart Attendance System' Ganti Kaedah Manual



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 JUN 2019 / 19 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Ihsan Dr. Noradila Nordin dan Nurul Husna Mohd Fauzi

PELAJAR BANGUNKAN 'SMART ATTENDANCE SYSTEM' GANTI KAEDAH MANUAL



UUM ONLINE: Penggunaan kertas bagi mencatat rekod kehadiran ke kelas kini dianggap sudah tidak lagi relevan dan bagi menyaingi perkembangan teknologi semasa, pelajar tahun akhir, Nurul Husna Mohd Fauzi telah membangunkan satu sistem bagi menggantikan kaedah manual tersebut iaitu *Smart Attendance System*.

Pelajar Sarjana Muda Sains (Teknologi Maklumat) itu berkata, sistem itu menggunakan teknik pengecaman wajah setiap kali pelajar menghadiri kelas tanpa perlu menggunakan kertas untuk menandakan kehadiran seperti yang diguna pakai di UUM sekarang.

Menurutnya, kaedah tersebut bukan sahaja mengelak berlaku penipuan kehadiran, malah secara tidak langsung turut membantu dalam penjimatan penggunaan kertas dan menjaga alam sekitar.

"Sistem ini masih dalam pembinaan dan diharapkan dapat diguna pakai dalam masa terdekat memandangkan kaedah pengecaman wajah merupakan satu langkah penting bagi meningkatkan dan memudahkan pengesanan kehadiran pelajar ke kelas.

"Bagi membangunkan prototaip ini bukan suatu yang mudah dan banyak cabaran kerana sistem ini menfokuskan kepada teknik pengecaman muka setiap pelajar terlibat," katanya.

Projek *Smart Attendance System* itu mendapat seliaan pensyarah, Dr. Noradila Nordin dari Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC).

Dr. Noradila berkata, *Smart Attendance System* membolehkan pelajar untuk melihat atau mengesan kehadiran mereka ke kelas dengan menggunakan aplikasi berasaskan web.

Katanya, pelajar boleh menggunakan telefon bimbit masing-masing untuk mengesan lokasi dan '*timestamp*', seterusnya menggunakan kamera telefon bimbit bagi merakamkan wajah mereka yang mana ia akan digunakan untuk membandingkan dengan gambar pelajar dalam pangkalan data bagi mendapatkan gambar sama.

"Sekiranya gambar yang serupa ditemui, pelajar berkenaan akan ditandakan sebagai hadir pada kelas tersebut.

"Nurul Husna telah menunjukkan minatnya dalam meneruskan projek ini yang akan merangkumi aspek keselamatan pada aplikasi berasaskan web, kepelbagai jenis ketepatan muka dalam pengiktirafan algoritma dan memastikan aplikasi berasaskan web ini sedia untuk digunakan," katanya.

Smart Attendance System merangkul pingat perak pada Pameran Innovative Research, Invention and Application (I-RIA) 2019 yang berlangsung di Dewan Mu'adzam Shah, baru-baru ini.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.